

# 24 pelajar FKJ UMS tabur bakti di Kg Tagasan Jaya

UB 29.12.2018 A5

SEMPORNA: Seramai 24 pelajar tahun empat Program Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan (FKJ) Universiti Malaysia Sabah (UMS) terlibat dalam melaksanakan Projek ‘Ceramic Water Filter (CWF) – Tagasan Jaya’ di Kampung Tagasan Jaya, di sini baru-baru ini.

Menurut pengarah projek Mohd. Husni Husin, projek di bawah program ‘Project For Happiness 2018’ yang dijalankan selama enam hari itu turut diisi dengan pelbagai aktiviti bagi mengeratkan silaturahim dengan komuniti Kampung Tagasan Jaya.

“Projek ini dilaksanakan bagi memberi pendedahan kepada para pelajar untuk berkhidmat, berbakti kepada masyarakat dan juga melahirkan pelajar yang mampu menerima cabaran semasa bekerja bersama masyarakat yang mempunyai budaya yang berbeza.

“Program ini mampu mengasah kemahiran bersosial pelajar dengan

masyarakat di luar serta melatih pelajar untuk tinggal di kawasan pedalaman yang serba kekurangan dari segi kemudahan,” katanya.

Dalam pada itu, Ketua Kampung Tagasan Jaya, Hasimun Abd. Rasad ketika berucap pada majlis perasmian program itu berkata, amatlah wajar aktiviti berkenaan dijalankan kerana bukan sahaja mampu mengeratkan silaturahim antara kedua belah pihak, malah turut mampu membentuk jati diri pelajar untuk berbakti kepada negara.

“Aktiviti bersama komuniti sebegini perlulah menerapkan nilai-nilai dan berunsurkan pendidikan dengan lebih kerap selain mampu mewujudkan sikap prihatin dalam diri setiap pelajar,” katanya.

Sepanjang program itu berlangsung, pelajar turut terlibat dalam aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan kampung, pemasangan khemah dan persediaan untuk majlis penutupan program berkenaan.



**PELAJAR** melakukan pemasangan Ceramic Water Filter di salah sebuah rumah penduduk kampung.